

Persepsi Guru terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran Pendidikan Islam

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 124-140
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Teacher's Perception The Use of i-Think Map in Islamic Education Teaching]

Roselizam Daud¹ & Roslan Ab Rahman¹

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi guru-guru terhadap penerimaan peta pemikiran di Terengganu sebagai medium pengajaran Pendidikan Islam. Dengan memilih Model Penerimaan Teknologi (TAM) sebagai teori asas, satu tinjauan soal selidik telah dijalankan di 10 buah SMK di Terengganu. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan (*Statistical Package for Social Science*) versi 25.0. Keputusan menunjukkan bahawa persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna dalam penggunaan peta pemikiran i-Think dilihat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang untuk menerima peta pemikiran i-Think sebagai kaedah pengajaran dalam Pendidikan Islam. Data dianalisis secara deskriptif bagi mencari taburan kekerapan, peratusan dan min. Ujian t juga dijalankan untuk melihat perbezaan antara jantina. Hasil kajian ini telah mendapati guru SMK mempunyai tahap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran dalam proses pengajaran secara umum dengan nilai purata min 8.42 (persepsi penggunaan berkesan) dan nilai purata min 7.29 (persepsi mudah guna). Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam kalangan guru berdasarkan jantina. Justeru, perbincangan melalui kajian empirikal ini diharapkan memberi sumbangan ke arah mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran yang membantu meningkatkan kemahiran murid dan kerjaya guru.

Kata kunci:

Peta Pemikiran i-Think, persepsi penggunaan berkesan, persepsi mudah guna, guru, pendidikan Islam

Abstract

This study was conducted to look at factors that influence teachers' acceptance the use of i-Think map in Terengganu as a medium of teaching Islamic Education. Using the Technology Acceptance Model (TAM) as the basic theory, a survey was conducted at 10 SMK schools in Terengganu. The data were analyzed using the Statistical Package for Social Science version 25.0. The results show that perceptions of effective use and usability perceptions in using i-Think maps appear to play an important role in influencing one's decision to accept i-Think thinking maps as teaching methods in Islamic Education. The data were analyzed descriptively to find the frequency, percentage and mean distribution. A t test was also conducted to see differences between genders. The results of this study have found that the vocational teachers have a high level of perception of effective use and a high perception of the use of mind maps in the teaching process in general with an average mean value of

¹ Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

Corresponding Author:

ROSLAN AB RAHMAN, Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu MALAYSIA. E-mail: roskana@unisza.edu.my

8.42 (effective use perception) and a mean average of 7.29 (intuitive perception). This study also found that there were no significant differences in the level of perceptions of effective use and perceptual perceptions of the use of i-Think thinking maps among teachers based on gender. Therefore, the discussion through this empirical study is expected to contribute towards diversifying the teaching method by using teaching methods that help to enhance student achievement and teacher career.

Keywords:

i-Think Maps, perceived of use, perceived ease of use, teachers.

Cite This Article:

Roselizam Daud, Roslan Ab Rahman. 2020. Persepsi Guru terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 110-124.

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia kini mengalami transformasi secara berperingkat dari semasa ke semasa. Kerajaan telah menetapkan beberapa aspek khususnya dalam bidang pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Apa yang menarik menerusi PPPM ialah penekanan kepada enam aspek indikator yang sesuai sebagai memantapkan sistem sedia ada. Salah satu unsur atau indikator tersebut ialah meningkatkan kemahiran berfikir. Jadi, setiap murid perlu mempunyai semangat ingin tahu dan belajar cara untuk mendapatkan pengetahuan sepanjang hayat (KPM, 2013).

Justeru, program i-THINK telah diperkenalkan bermula pada 2011 bertujuan untuk mengukuhkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Bukan itu sahaja, program i-THINK juga mendidik murid-murid bersepakat dan bekerjasama. Agensi Inovasi Malaysia (2012) menggambarkan kenyataan tersebut dengan berpendapat bahawa Program i-THINK bertujuan untuk membudayakan kemahiran berfikir dan menjadikan budaya berfikir sebagai amalan guru-guru dan murid-murid di sekolah. Kini, program i-THINK yang diperkenalkan bermula 2011 telah melalui tempoh pelaksanaan antara lapan hingga sembilan tahun. Program i-THINK yang masih berjalan dan dilaksanakan di semua sekolah seluruh Malaysia, menekankan penerapan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan alat berfikir sebagai pengisian utama program ini.

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, kerajaan tegas menyatakan pengabaian terhadap asas pendidikan tidak akan membantu Malaysia dalam membentuk sebuah negara maju. Mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga, penekanan kepada enam ciri utama yang perlu ada pada setiap murid untuk bersaing di peringkat global bagi memantapkan sistem pendidikan sedia ada merupakan satu perkara yang menarik sekali dan perlu dititikberatkan. Salah satu unsur yang disebutkan adalah meningkatkan kemahiran berfikir.

Kini, penguasaan kemahiran berfikir yang betul dan komprehensif adalah sangat penting jika kita mahu menjadi sebuah negara yang maju dan berkualiti tinggi terutama dalam bidang pendidikan seperti negara Finland, Korea, Jepun, China dan sebagainya. Alat berfikir seperti penggunaan pengurusan grafik secara visual telah dibuktikan keberkesannya di sekolah-

sekolah berprestasi rendah seperti di United Kingdom, Kanada dan Amerika Syarikat (Rohaida Yusop & Zamri Mahamod 2015).

Bagi merealisasikan aspirasi yang telah termaktub dalam PPPM 2013-2025 adalah menjadi tugas dan tanggungjawab guru. Oleh itu, guru perlu merancang kaedah yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang boleh membantu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Kaedah yang dipilih oleh guru perlulah menepati dan sesuai dengan objektif di atas supaya dapat mendorong pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta melatih pelajar menggunakan pengetahuan sedia ada dalam menghubungkan kait dengan isi pembelajaran yang dipelajari (Rosnidar 2015).

Dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, unsur-unsur dalam kemahiran berfikir aras tinggi harus diaplikasi bersesuaian dengan tahap kognitif murid. Aspek pedagogi seperti ini dapat membantu mewujudkan peluang pembelajaran yang bermakna untuk murid kerana mereka lebih mudah menerima sesuatu perkara yang baharu dan berinovasi. Guru seharusnya memandang serius kerana ia ibarat alat yang mampu menjadi pengantara keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (Samsiah & Khalip 2018).

Teknik mengajar menggunakan peta pemikiran i-think merupakan salah satu usaha dalam pengukuhan pedagogi guru bagi membantu guru mengubah mentaliti dan amalan lama. Teknik ini dapat mewujudkan suasana pengajaran yang menyeronokkan murid, mudah, berinformasi selain masa dan bahan turut dijimatkan. Melalui penekanan peta pemikiran, aktiviti berpusatkan murid dapat dilaksanakan dan menggalakkan kolaboratif dalam kalangan murid selain daripada guru yang cenderung menjadi fasilitator dalam bilik darjah mampu menimbulkan keakraban hubungan antara guru dan murid (Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus 2016).

Kesimpulannya, kajian untuk mengenal pasti tahap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think perlu dijalankan agar dapat mengenal pasti tahap penggunaan peta pemikiran i-Think secara menyeluruh di kalangan guru Pendidikan Islam supaya dapat meningkatkan kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Pernyataan Masalah

Program i-Think merupakan alat berfikir yang membolehkan guru menyampaikan kurikulum yang sedia ada di dalam bentuk yang lebih bermakna kepada murid. Berdasarkan kajian kecerdasan peta pemikiran telah menggabungkan proses pembelajaran secara kognitif dan persembahan maklumat secara visual dalam bentuk grafik (KPM 2012). Manifestasi daripada pernyataan berikut memberikan isu yang dapat diketengahkan dalam kajian ini ialah guru kurang menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod 2016). Menurut dapatan daripada (Rohaida Yusop & Zamri Mahamod 2015), sistem persekolahan kurang memberi penekanan terhadap tugas memperkembang daya pemikiran murid. Tumpuan hanya lebih tertumpu kepada penyediaan maklumat dengan tujuan menyediakan murid menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan.

Selari dengan dapatan Layang & Mahamod (2019), Pendidikan Malaysia yang berorientasikan kepada peperiksaan semata-mata merupakan isu yang perlu diberikan penekanan kerana berkaitan dengan amalan pengajaran guru. Menurut (Rohaida Yusop &

Zamri Mahamod 2015), PdP yang masih bertumpu kepada peperiksaan menyebabkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Penekanan kepada peperiksaan telah menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada kemahiran berfikir murid sebaliknya menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan juga penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan. Bagi mengubah dasar kurikulum sedia ada di Malaysia,

Dapatan ini selari dengan kajian (Rothman et al. 2018) yang menyatakan situasi masa yang terhad dan isi kandungan yang padat ini adalah disebabkan mata pelajaran Pendidikan Islam sinonim dengan keperluan untuk menghabiskan sukatan pelajaran untuk peperiksaan. P&P masih menjurus kepada orientasi peperiksaan telah melemahkan usaha untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Penekanan kepada peperiksaan menyebabkan guru-guru meminggirkan aspek kemahiran berfikir murid-murid dengan memberikan tumpuan kepada usaha menghabiskan sukatan pelajaran dan penguasaan teknik menjawab soalan semata-mata. Hal ini juga dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh (Zamri 2011), menyatakan bahawa dalam konteks P&P persoalan berupaya dan menggalakkan interaksi guru dan murid secara berkesan.


Persoalannya adakah pelaksanaan peta pemikiran i-Think yang dilaksanakan hampir 8 tahun telah memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Apakah tahap penerimaan guru terhadap PPIT dalam pengajaran guru di sekolah mampu memberi perubahan kepada sistem pengajaran seiring dengan pengajaran abad ke-21 dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21. Justeru terdapat keperluan untuk membuat penyelidikan tentang tahap penerimaan PPIT di kalangan guru dan sejauh manakah pengaruh memainkan peranan dalam pelaksanaan PPIT di sekolah. Beberapa dapatan kajian mendapati terdapat hubungan penggunaan PPIT dalam PdP mampu meningkatkan KBAT pelajar dan pencapaian dalam peperiksaan (Suhanna & Zanaton 2015). Justeru, penyelidik melihat terdapat lompang untuk membuat kajian tentang persepsi penggunaan peta pemikiran i-Think dalam Pendidikan Islam.

Objektif Kajian

- a. Mengenal pasti tahap persepsi penggunaan berkesan guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think.
- b. Mengenal pasti tahap persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think.
- c. Mengenal pasti perbezaan penggunaan berkesan terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.
- d. Mengenal pasti perbezaan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.
- e. Mengenal pasti perbezaan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.

Kerangka Teoretikal dan Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan kepada adaptasi Model Penerimaan Teknologi (Davis 1989) yang mempunyai dua konstruk utama iaitu persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna..




Rajah 1.1: Model TAM

Rujukan: (Davis 1989)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan Model TAM dibangunkan berdasarkan dua pemboleh ubah kognitif yang utama iaitu persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna. Menurut TAM, persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna akan mempengaruhi sikap terhadap penggunaan PPIT dan kemudian mempengaruhi sikap. Selepas itu, ia akan mempengaruhi tingkah laku yang menjadi penggunaan sebenar sistem.

Selepas diperkenalkan oleh Davis pada tahun 1986, model TAM digunakan secara meluas dan dikembangkan oleh penyelidik lain. Oleh itu, dalam perkembangannya telah diubah suai, sebagai contoh, penyelidikan yang telah dilakukan oleh Venkatesh dan Davis (1996). Ini seperti apa yang dipetik oleh Chuttur, (2009) pengubahsuaian model TAM dengan menghapuskan sikap terhadap penggunaan pemboleh ubah.

Satu lagi penyelidik, Al-Gahtani, (2001) juga mengubahsuaikan model TAM dengan menggabungkan niat tingkah laku untuk digunakan dan pemboleh ubah menggunakan sistem sebenar ke dalam penerimaan. Perubahan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.2 di bawah:



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Model Penerimaan (Modifikasi Model TAM)

Rujukan: Chuttur (1996) dan Gahtani (2001)

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi tujuan melihat tahap persepsi guru Pendidikan Islam yang mengajar di SMK. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian (*Statistical Package for Social Science*) versi 25.0. dengan menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi, min, peratusan dan beberapa Ujian-t. Skala interpretasi yang digunakan bagi min dalam kajian ini bagi menentukan sama ada setiap konstruk mempunyai tahap tertentu, pengkaji telah menetapkan satu garis panduan skor min yang dibina berdasarkan garis panduan skor min oleh Koh (2014) bagi menentukan tahap pelaksanaan berdasarkan konstruk ke atas sampel kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Skor Min Tahap Pelaksanaan

Bil	Nilai Skor Min	Tahap Pelaksanaan
1	1.00 hingga 4.00	Rendah
2	4.01 hingga 7.00	Sederhana
3	7.01 hingga 10.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Koh (2014)

Sampel Kajian

Kajian ditumpukan kepada semua daerah dalam negeri Terengganu. Justeru, gambaran sebenar populasi di seluruh negeri Terengganu dapat dihasilkan melalui dapatan dari kajian ini. Kaedah pensampelan dalam kajian ini adalah rawak berstrata. Menurut Gay dan Airasian (2003); (Awi 2013), kaedah ini yang berasaskan kepada nisbah sampel adalah berbeza dengan populasi sebenar. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pelbagai kategori sekolah diwakili dari populasi sebenar penyelidikan ini. Responden kajian ini dipilih daripada populasi guru iaitu melibatkan seramai 103 orang guru di sekolah menengah kebangsaan di negeri Terengganu. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada guru-guru terpilih sebagai sampel kajian.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, dua jenis kesahan instrumen telah digunakan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Penyelidik telah mendapatkan kesahan muka dan kandungan daripada Prof. Dr. Abd. Hakim bin Abdullah kepakaran dalam bidang pembangunan kurikulum dan kaedah pengajaran, Prof. Dr. Zainuddin bin Awang kepakaran dalam statistik dan pengurusan kuantitatif dan Dr. Sidek bin Saidi kepakaran dalam bidang pembangunan dan pelaksanaan program i-Think. Justifikasi pemilihan adalah kerana mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam skop kajian bagi menentukan kesahan berkenaan ketepatan penggunaan bahasa, ejaan dan sebagainya mengikut laras bahasa yang difahami responden kajian. Seterusnya, kesahan item-item yang terdapat di dalam instrumen juga turut diambil kira. Item-item dinilai dan dipastikan agar dapat mewakili semua konstruk yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang digunakan untuk menentukan ketekalan nilai skor setiap item. Nilai skor setiap item dinilai berdasarkan nilai alpha antara 0.00 hingga 1.00. Dalam kajian ini, instrumen soal selidik dinilai menggunakan Alpha Cronbach untuk menentukan nilai kebolehpercayaan kesemua item yang terdapat konstruk kajian. Nilai alpha 0.65-0.95 memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana menghampiri nilai alpha 1.00 manakala item yang memiliki nilai alpha < 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan di tahap yang rendah (Ghazali & Sufean, 2016).

Dalam kajian ini, nilai alpha yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam instrume adalah = .988. Ini menunjukkan instrument memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan sebagai instrumen dalam kajian sebenar.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang diadaptasi berdasarkan kayu ukur yang diambil dari Masrom (2007) dalam kajian Technology Acceptance Model and e-Learning. *12th*

International Conference on Education. Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education. Universiti Brunei Darussalam. Dalam kajian ini konstruk persepsi penggunaan berkesan dilabel sebagai PPB1 hingga PPB8, manakala bagi konstruk persepsi mudah guna dilabel dengan PMG9 hingga PMG18.

Prosedur Penganalisan Data

Soal selidik ini melibatkan responden dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang mengajar di SMK dalam negeri Terengganu. Sebelum memulakan penganalisan data, pengkaji terlebih dahulu mengasingkan soal selidik guru yang tidak lengkap. Data kajian ini dianalisa dengan menggunakan perisian program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25. dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, peratusan dan beberapa Ujian-t.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan melaporkan tahap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah dan perbezaan tahap terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina. Terdapat dua konstruk utama iaitu persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dan dilaporkan menggunakan min dan sisihan piawai (SP). Nilai interpretasi skor nilai min persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah adalah berdasarkan kriteria penilaian yang dikemukakan oleh Koh (2014) iaitu 1.00 - 3.33 (rendah), 3.34 - 6.66 (sederhana), dan 6.67 – 10.00 (tinggi).

Demografi Guru

Responden kajian ini terdiri daripada 103 guru yang mengajar di sekolah menengah kebangsaan (SMK) di semua daerah dalam negeri Terengganu terlibat sebagai sampel kajian. Profil lengkap tentang responden ditunjukkan dalam jadual seperti berikut.

Kekerapan dan Peratusan Mengikut Jantina

Analisis demografi responden menunjukkan sejumlah 103 orang responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 31 orang lelaki (30.1%) dan 72 orang perempuan (69.9%). Ini dapat dirujuk dalam Jadual 1.2

Jadual 1.2: Pembahagian Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
lelaki	31	30.1
perempuan	72	69.9
Jumlah	103	100.0

Tahap persepsi penggunaan berkesan terhadap Penggunaan Peta Pemikiran i-Think

Lapan item digunakan dalam meninjau tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Jadual 1.3 akan memaparkan analisis tahap persepsi penggunaan berkesan guru SMK mempunyai tahap yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah secara umum dengan nilai purata 7.59.

Dari aspek perincian skor min tahap persepsi penggunaan berkesan, skor min tertinggi diperoleh pada item PPB1 (min=7.87) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dapat membantu guru mencapai objektif pengajaran. (M=7.87).

Manakala bagi item PPB 2 (min=7.64) yang berhubung dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan menghasilkan pengajaran berpusatkan murid (M=7.64). Menerusi item PPB3 (min=7.71) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan dapat menjadikan proses pengajaran lebih menyeronokkan (M=7.71). Menerusi item PPB4 (min=7.78) berkaitan dengan guru mendapati pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think merupakan satu kaedah yang berkesan kepada murid seperti murid dapat mengingat fakta penting (M=7.78). Begitu juga menerusi item PPB5 (min=7.17) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan membantu murid dalam membuat latihan dengan betul. (M=7.17). Bagi item PPB6 (min=7.52 berkaitan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan meningkatkan minat murid dalam pembelajaran (M=7.52). Begitu juga bagi item PPB7 (min=7.43) berkaitan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid (M=7.43). Dan akhir sekali bagi item PPB8 (min=7.60) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan memudahkan murid menguasai pembelajaran secara kolaboratif (M=7.60).

Jadual 1.3: Tahap persepsi penggunaan berkesan guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think.

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
PPB1: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran dapat membantu saya mencapai objektif pengajaran.	7.87	1.725	Tinggi
PPB2: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan menghasilkan pengajaran berpusatkan murid.	7.64	1.754	Tinggi
PPB3: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan dapat menjadikan proses pengajaran lebih menyeronokkan.	7.71	1.764	Tinggi
PPB4: Saya mendapati pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think merupakan satu kaedah yang berkesan kepada murid seperti murid dapat mengingat fakta penting.	7.78	1.715	Tinggi
PPB5: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan membantu murid dalam membuat latihan dengan betul.	7.17	1.966	Tinggi
PPB6: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan meningkatkan minat murid dalam pembelajaran.	7.52	1.697	Tinggi
PPB7: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid.	7.43	1.818	Tinggi
PPB8: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think akan memudahkan murid menguasai pembelajaran secara kolaboratif.	7.60	1.717	Tinggi

N=103 Purata Min=7.59

Kesimpulannya, daripada analisis data soal selidik berhubung dengan tahap persepsi penggunaan berkesan guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah di negeri Terengganu didapati berada pada tahap yang tinggi.

Tahap Persepsi Mudah Guna Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran i-Think

Sepuluh item digunakan dalam meninjau tahap persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Jadual 1.4 akan memaparkan analisis tahap persepsi mudah guna tersebut yang menunjukkan bahawa guru SMK mempunyai tahap yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah secara umum dengan nilai purata min 7.44.

Dari aspek perincian skor min tahap persepsi mudah guna guru SMK terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah, skor min tertinggi diperoleh pada item PMG17 dan PMG18 (min=7.62) yang berhubung dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat memudahkan murid dalam mengingat dan menghuraikan fakta-fakta penting dengan lebih cepat dan guru percaya pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think merupakan satu kaedah pembelajaran yang mudah digunakan oleh murid ketika mengulangkaji pembelajaran (M=7.62).

Menerusi item PMG9 (min=7.57) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan guru menarik minat murid untuk belajar. (M=7.57), Manakala bagi item PMG10 (min=7.33) yang berhubung dengan guru Saya mudah berinteraksi dengan murid apabila menggunakan peta pemikiran i-Think (M=7.33). Menerusi item PMG11 (min=7.33) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat memudahkan saya menyediakan bahan bantu mengajar (M=7.33). Menerusi item PMG12 (min=7.34) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan saya menjalankan aktiviti pengajaran yang telah dirancang (M=7.34). Begitu juga menerusi item PMG13 (min=7.33) berkaitan dengan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think menjimatkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (M=7.33). Bagi item PMG14 (min=7.32) berkaitan guru percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan guru dalam perancangan, pelaksanaan, pentafsiran dan pemulihan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (M=7.32). Begitu juga bagi item PMG15 (min=7.59) berkaitan guru percaya penggunaan peta pemikiran i-Think mudah digunakan pada setiap pelajar sekolah menengah (M=7.59). Dan akhir sekali bagi item PMG16 (min=7.39) berkaitan guru percaya penggunaan peta pemikiran i-Think mudah digunakan pada setiap pelajar sekolah menengah (M=7.39).

Jadual 1.4: Analisis skor min dan sisihan piawai bagi konstruk persepsi mudah guna.

Item	Min	Sisihan	
		Piawai	Tahap
PMG9: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan guru menarik minat murid untuk belajar.	7.57	1.758	Tinggi
PMG10: Saya mudah berinteraksi dengan murid apabila menggunakan peta pemikiran i-Think.	7.33	1.671	Tinggi
PMG11: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat memudahkan saya menyediakan bahan bantu mengajar.	7.33	1.773	Tinggi
PMG12: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan saya menjalankan aktiviti pengajaran yang telah dirancang.	7.34	1.684	Tinggi
PMG13: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think menjimatkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	7.33	1.688	Tinggi

PMG14: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think memudahkan guru dalam perancangan, pelaksanaan, pentafsiran dan pemulihan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	7.32	1.622	Tinggi
PMG15: Saya percaya penggunaan peta pemikiran i-Think mudah digunakan pada setiap pelajar sekolah menengah.	7.59	1.717	Tinggi
PMG16: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat memudahkan dalam peningkatan kemahiran berfikir aras tinggi.	7.39	1.728	Tinggi
PMG17: Saya percaya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat memudahkan murid dalam mengingat dan menghuraikan fakta-fakta penting dengan lebih cepat.	7.62	1.733	Tinggi
PMG18: Saya percaya pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think merupakan satu kaedah pembelajaran yang mudah digunakan oleh murid ketika mengulangkaji pembelajaran.	7.62	1.648	Tinggi

N=103 Purata Min=7.44

Kesimpulannya, daripada analisis data soal selidik berhubung dengan tahap persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah di negeri Terengganu didapati berada pada tahap yang tinggi.

Perbandingan perbezaan persepsi penggunaan berkesan terhadap penggunaan Peta Pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina.

Ho.1 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara persepsi penggunaan berkesan guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah berdasarkan jantina.

Ho.2 Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah berdasarkan jantina.

Hipotesis ini dikemukakan bertujuan untuk melihat sama ada perbezaan yang signifikan dalam skor min tahap persepsi penggunaan berkesan dan tingkah laku guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan jantina. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis tentang min populasi (μ) apabila nilai sisihan piawai populasi (σ) adalah tidak diketahui. Ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas.

Jadual 1.5: Perbezaan persepsi penggunaan berkesan terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan faktor jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	t	Signifikan
bersandar	Lelaki	31	7.34	0.004	.330
PPB	Perempuan	72	7.69		

Min frekuensi persepsi penggunaan berkesan bagi lelaki dan perempuan adalah masing-masing 7.34 dan 7.69. Berdasarkan Jadual 1.5, *Levene's Test for Equality of Variances* menunjukkan nilai p (0.004) yang mana lebih besar dari 0.05. Keputusan *two tailed significance* untuk variabel jantina menunjukkan nilai p = .999, $p < 0.05$. Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipotesis nul (H_0). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min sikap antara guru lelaki (min = 7.34) dan guru perempuan (min = 7.69) berdasarkan jantina bagi penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam proses pengajaran guru di sekolah.

Perbandingan Perbezaan Persepsi Mudah Guna Guru Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think Berdasarkan Faktor Jantina

Hipotesis ini dikemukakan bertujuan untuk melihat sama ada perbezaan yang signifikan dalam skor min tahap persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think berdasarkan jantina. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis tentang min populasi (μ) apabila nilai sisihan piawai populasi (σ) adalah tidak diketahui. Ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas.

Jadual 1.6: Perbandingan Perbezaan persepsi mudah guna guru berdasarkan jantina

Pemboleh ubah	Jantina	N	Min	Nilai t	Signifikan
Bersandar		103			
PMG	Lelaki	31	7.38	0.027	.808
	Perempuan	72	7.47		

Min frekuensi persepsi mudah guna bagi lelaki dan perempuan adalah masing-masing 7.38 dan 7.47. Berdasarkan Jadual 1.6, *Levene's Test for Equality of Variances* menunjukkan nilai p (0.027) yang mana lebih besar dari 0.05. Keputusan *two tailed significance* untuk variabel jantina menunjukkan nilai p = .808, $p < 0.05$. Oleh itu, hasil ujian-t telah menerima hipotesis nul (H_0). Hal ini bermaksud tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi mudah guna antara guru lelaki (min = 7.38) dan guru perempuan (min = 7.47) berdasarkan jantina bagi penggunaan Peta Pemikiran i-Think dalam proses pengajaran guru di sekolah.

Perbincangan

Berdasarkan kajian ini didapati guru Pendidikan Islam mempunyai tahap persepsi penggunaan yang tinggi terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Merujuk (Rohaida Yusop & Zamri Mahamod 2015), sikap merangkumi perasaan, kepercayaan dan pemikiran yang mempengaruhi seseorang dalam memberikan nilai terhadap sesuatu aspek yang disukai atau yang tidak disukainya. Sikap adalah satu persediaan mental yang boleh memberi pengaruh reaksi seseorang terhadap sesuatu dengan dinamik. Dapatan kajian (Layang & Mahamod 2019) juga menunjukkan tahap sikap guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-think adalah tinggi. Guru perlu menguasai tahap amalan penggunaan kaedah kerana guru berperanan untuk mendidik seseorang individu untuk menjadi lebih baik dan memberikan penilaian terhadap murid (Salina Md. Yunas & Zamri Mahamod 2017).

Dalam pada itu, hasil dapatan ini bertepatan dengan dapatan kajian Mohamad Nurul Azmi & Nurzatulshima, (2017) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan-bahan grafik dan bergambar dapat merangsang pemikiran, mengukuhkan daya ingatan dan memudahkan pemahaman murid. Sekain itu, kajian ini tidak selari dengan kajian Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod, (2016) iaitu tahap kesediaan penggunaan peta pemikiran i-think berada pada tahap sederhana dan selari dengan dapatan kajian oleh yang mendapati lebih 60% guru mengamalkan amalan kemahiran berfikir. Guru didapati tetap mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran i-think dalam proses PdP bagi menambahkan pengetahuan pembelajaran murid walaupun tahap amalan guru terletak pada tahap sederhana.

Manakala tahap bagi persepsi mudah guna juga adalah tinggi. Dan dapatan ini selari dengan dapatan Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon (2018) iaitu aplikasi penggunaan peta pemikiran i-Think ini membolehkan guru mengambil peluang untuk melaksanakan pembelajaran kolaboratif dalam bilik darjah. Kaedah ini digunakan untuk membolehkan guru dan murid berinteraksi antara dua hala semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, ini akan mewujudkan hubungan kerja berpasukan di kalangan murid dan dapat memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi di kalangan murid. Tugas seorang guru adalah untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai pada hari itu. Sehubungan itu, guru seharusnya mahir dalam menggunakan alat berfikir ini untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan keperluan dan masa. Oleh kerana itu, penggunaan peta pemikiran i-Think ini merupakan sebahagian daripada teknik untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi di kalangan murid.

Seterusnya dapatan bagi analisis ujian-t terhadap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor jantina. Ini menunjukkan faktor jantina tidak mempunyai pengaruh terhadap persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam pengajaran di sekolah. Ini disebabkan oleh ilmu pengetahuan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam fitrah kehidupan seharian manusia dalam melakukan tugas harian. Tidak terkecuali juga bagi seorang guru dalam usaha menyalurkan ilmu pengetahuan yang diketahui kepada pelajar-pelajarnya. Seorang guru haruslah mempunyai pengetahuan yang terperinci mengenai mata pelajaran yang diajarkan atau kaedah yang ingin diterapkan dalam proses Pengajaran dan pembelajaran (Layang & Mahamod 2019). Penyataan

ini disokong sepenuhnya oleh (Rohaida Yusop & Zamri Mahamod 2015) yang menyatakan bahawa guru sebagai penterjemah kurikulum di sekolah harus mempunyai pengetahuan, kefahaman dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar supaya dapat menjayakan proses pengajaran yang dirancang.

Perubahan pembelajaran melalui penggunaan peta pemikiran i-Think ini harus dilalui dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid dan guru sebagai pemudah cara. Penggunaan peta pemikiran i-Think harus ditekankan bagi menghasilkan murid yang kreatif, kritis dalam pemikiran mereka. Hal ini kerana, mereka perlu menghadapi perkembangan teknologi dan arus globalisasi dalam kehidupan mereka. Guru juga perlu berhadapan dengan cabaran ini bagi mendidik dan membentuk peribadi insan dalam kalangan generasi Z dan Alpha.

Kajian ini secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa tahap penerimaan guru dalam penggunaan i-think adalah tinggi dan seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Dengan pengamalan penggunaan peta pemikiran i-Think akan melahirkan kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini bermakna kaedah pdpc yang lebih bersifat konvensional, iaitu pengajaran yang lebih berfokus guru sudah tidak relevan lagi pada masa ini. Sehubungan dengan itu, kaedah pdpc yang lebih bersifat terkini seperti penggunaan iThink i-think perlu menjadi pegangan warga guru pada era globalisasi ini demi melahirkan murid yang mempunyai minda kelas pertama. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih menyeluruh terhadap penggunaan iThink dalam meningkatkan budaya berfikir dalam kalangan guru dan murid perlu dilaksanakan.

Kesimpulan

Kajian mendapati persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna terhadap peta pemikiran i-Think berada pada tahap yang tinggi. Tidak dinafikan juga terdapat beberapa masalah dan kekangan secara teknikal dalam meningkatkan kemahiran penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah. Oleh yang demikian, guru-guru Pendidikan Islam mesti berusaha untuk meningkatkan kemahiran masing-masing agar pengajaran yang dilaksanakan bagi semua model i-Think dapat menunjukkan keberkesanan sebagaimana yang dikehendaki dalam objektif program tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor lain seperti jantina tidak memberikan perbezaan yang signifikan kepada tahap mereka terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam. Hal ini menunjukkan bahawa kemampuan dan upaya guru itu sendiri penting dalam membina persepsi penggunaan berkesan dan persepsi mudah guna guru terhadap penggunaan peta pemikiran i-Think dalam proses pengajaran di sekolah.

Rujukan

- Al-Gahtani, S. 2001. The Applicability of TAM Outside North America: An Empirical Test in the United Kingdom. *Information Resources Management Journal (IRMJ)*. doi:10.4018/irmj.2001070104
- Awi. 2013. Populasi dan Sampel Kajian. Blog Hj Awi.
- Chuttur, M. 2009. Technology Acceptance, Information System Deployment, TAM, Information System Theory. *Sprouts*.
- Davis, F. D. 1989. Davis 1989. *Information Technology*. doi:10.2307/249008
- Fadillah, A. L. & Zamri, M. 2019. Tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. (Malay). Knowledge, Readiness and Attitude of Malay Language Primary School Teachers at Kapit district to Implementing i-Think Map in Teaching and Learning. (English).
- Koh, L. C. (2014). Ciri-ciri organisasi pembelajaran mengikut persepsi guru di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mansor, R. 2015. Keberkesanan penggunaan I-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk sifat bahan, Sains Tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*.
- Mohamad Nurul Azmi, M. N. & Nurzatulshima, K. 2017. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesiediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*.
- Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus. 2016. Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. doi:10.1176/ajp.151.7.1063
- Nor Hasmaliza Hassan & Zamri Mahamod. 2016. Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Malay Language Education Journal*. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Normah Zakaria, Azita Ali, Nur Izeanty Hamidon, S. A. R. 2018. Aplikasi Peta Pemikiran I-Think Dalam Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Uthm.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. 2015. Keberkesanan Peta Pemikiran (i-Think) Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Malay Language Education Journal – MyLEJ*.
- Rothman, J., Slabakova, R., Hashim, H. U., Yunus, M. M., Dayang Sulfilkawany Ujai, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, Chew Fong Peng, et al. 2018. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, Dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBaSBuM 2 2019) 049-*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Salina Md. Yunas & Zamri Mahamod. 2017. Tahap Kesiediaan, Sikap dan Amalan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Penggunaan Peta Pemikiran I-Think. *Seminar Serantau*.
- Samsiah, S.-R. & Khalip, M. 2018. Amalan Kepimpinan Instruksional dan Keberkesana Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam PdPc Terhadap Pencapaian Sekolah: Isu dan Persoalan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*.

Suhanna Zainudin & Zanaton Hj Iksan. 2015. *Pemeriksaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Sains. Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5.*

Zamri, M. 2011. *Memperkasa guru, mempercepat pelajar: pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam abad ke-21. Seminar Bahasa Melayu 1–30.*